05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RESPONS MURID TAHUN LIMA TERHADAP PROGRAM NILAM DI DAERAH BENTONG

JOHARI BIN SIDEK

PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2009

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

18 Oktober 2009

JOHARI BIN SIDEK
M20072000594

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayah-NYA dapat juga kertas projek ini disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya hulurkan kepada Dr. Idris b. Mohd. Radzi selaku penasihat akademik dan juga penyelia projek ini yang telah menggembelingkan tenaga tanpa mengira masa dan penat lelah dalam berkongsi buah fikiran dan juga memberikan bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan dorongan yang sangat besar maknanya kepada saya dalam usaha menyempurnakan kertas projek ini. Kesabaran, kesungguhan dan komitmen yang beliau telah tunjukkan amat saya kagumi.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Institut Pengajian Siswazah dan juga barisan tenaga pengajar Universiti Pendidikan Sultan Idris, khususnya para pensyarah di Fakulti Bahasa. Ucapan terima kasih juga saya panjangkan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Pahang, Pejabat Pelajaran Daerah Bentong, Pusat Kegiatan Guru Karak, semua Guru Besar serta semua Guru Media dan juga murid-murid yang terlibat di empat buah sekolah atas kerjasama yang diberikan bagi tujuan menjayakan kajian ini.

Saya juga turut mengucapkan terima kasih kepada kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu demi menjulang cita-cita bersama. Rakaman terima kasih juga buat barisan pentadbir, rakan-rakan sejawat dan anak-anak didik Sekolah Kebangsaan Karak yang begitu memahami dan sentiasa memberikan galakan kepada saya dalam menuntut ilmu dan menyiapkan kertas projek ini.

Akhir sekali, buat isteri serta anak-anak yang tersayang; Puan Rusni binti Shariff, Muhammad Harith bin Johari, Siti Nurhusna binti Johari, dan Siti Nurhanis binti Johari yang telah banyak berkorban masa dan juga sentiasa mendoakan kejayaan saya. Tidak lupa buat keluarga kedua-dua pihak yang memahami dan menyokong perjuangan ini.

Sesungguhnya, segala kekurangan dan kelemahan itu datanganya daripada diri saya kerana sesuatu yang sempurna itu milik Allah S.W.T sahaja. Semoga Allah S.W.T membalas budi baik kalian.

Sekian, terima kasih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini diusahakan untuk mengkaji keberkesanan Program Nilam yang dilaksanakan di sekolah rendah. Kajian yang dijalankan ini adalah kajian tinjauan. Kajian ini dijalankan di empat buah sekolah rendah. Bagi tujuan mendapatkan persampelan, sebanyak 120 orang murid Tahun Lima telah dikenal pasti bagi tujuan tersebut. Sampel-sampel berkenaan terdiri daripada taburan komposisi jantina yang seimbang. Sampel-sampel tersebut juga mewakili tiga kumpulan belajar yang utama, iaitu potensi, sederhana dan cemerlang. Soalan-soalan kajian yang diutarakan berhubung demografi sampel sebagai pemboleh ubah. Seterusnya, soalan-soalan kajian meninjau genre bacaan yang sering dimanafaatkan oleh kumpulan sampel. Selain itu, soalan kajian juga mencakupi ruang lingkup kefahaman sampel terhadap pelaksanaan Program Nilam yang dilaksanakan di sekolah. Selain itu, penglibatan murid terhadap pelaksanaan program tersebut sama ada di sekolah atau pada masa senggang turut disoal. Bagi meninjau keberkesanan program tersebut, impak pelaksanaannya turut diberikan perhatian turut dimuatkan dalam soalan kajian. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat kajian. Perisian SPSS v.12 diguna pakai bagi usaha-usaha menganalisis dan menginterpretasi data. Pengkaji menggunakan kaedah Ujian Rujuk Silang dan Ujian Khai Kuasa Dua bagi mengkaji perbezaan dua pemboleh ubah. Bagi data yang mempunyai lebih dua pembolehubah, pengkaji menggunakan Ujian Statistik ANOVA Sehala dan Ujian Post Hoc (Turkey's-b) untuk mencari perbezaan. Kajian ini mendapati bilangan murid-murid di Bandar lebih tinggi memanafaatkan buku-buku Nilam. Begitu juga perbezaan jantina, iaitu murid perempuan lebih banyak membaca berbanding murid lelaki. Seterusnya, murid-murid yang berada dalam kumpulan cemerlang membaca lebih banyak berbanding mereka yang berada dalam kumpulan sederhana dan potensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACTS

This research is done to determine effectiveness of 'Program Nilam' which is at primary schools. This survey research is based on the local case study. The subject for this study comprised 120 Year Five pupils from four different schools. The subject involved the population of sex and the three major group of study which are from the potential, average and excellent group. The questionnaires used are related to the demography and the genre that the subject often read as the variables. Beside, the questionnaires also comprises of the understanding of the subject on the 'Program Nilam' carried out at schools. On the other hand, the involvement of the subject in the programmed either at school or during leisure time. To determine the effectiveness of the programmed, the impact of the programmed is being observed. This research used the questionnaires as the instrument. SSPS v.12 software is used to analyze and interpret the data. Researcher used the Cross-tabling Test and Chi-square Pearson Test to find differences in the variables. For the data that has more than two variables, researcher used ANOVA's Statistical Test and Post Hoc Test (Turkey's-b) to find out the differences. This research shows that pupils who learned in the urban area had read more the Nilam's books. It is also the same with the girls and excellent pupils.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	2
1.3	Objektif Kajian	2
1.4	Soalan Kajian	3
1.5	Kepentingan Kajian	4
1.6	Batasan Kajian	5
1.7	Definisi Operasional	6
	1.7.1 Respons	6
	1.7.2 Guru Pelaksana	6
	1.7.3 Tahap Jauhari	6
	1.7.4 Tahap Rakan Pembaca	7
	1.7.5 Kefahaman	7
	1.7.6 Membaca	7
	1.7.7 Kefahaman Membaca	8
1.8	Rumusan	8

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	9
2.2	Konsep dan Pelaksanaan Program Nilam	10

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3	Pengertian Membaca	20
	2.3.1 Kepentingan Membaca	21
	2.3.2 Pembacaan Ekstensif	22
	2.3.3 Konsep dan Pelaksanaan Program Membaca	25
2.4	Kajian Yang Berkaitan dengan Program Nilam	27
2.5	Rumusan	35

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	36
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	37
3.4	Instrumen Kajian	38
3.5	Kajian Rintis	41
3.6	Pengumpulan Data	41
3.7	Analisis Data	42
3.8	Rumusan	43

BAB 4 ANALISIS DAN INTERPRETASI DATA

4.1	Pengenalan	44
4.2	Latar Belakang Sampel	44
4.3	Analisis Dapatan Kajian	44
	4.3.1 Murid-murid memanafaatkan buku-buku Nilam di sekolah	47
	4.3.2 Kefahaman murid terhadap pelaksanaan Program Nilam di sekolah	60
	4.3.3 Penglibatan murid dalam menjayakan Program Nilam di sekolah	64
	4.3.4 Implikasi Program Nilam terhadap amalan membaca dalam kalangan murid	74
4.4	Kesimpulan Dapatan	78

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	80
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	80
5.3	Kesimpulan	83
5.4	Implikasi Kajian	83
5.5	Cadangan Kajian Lanjut	84
5.6	Penutup	85

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RUJUKAN		87
LAMPIRAN		90
A	Borang soal selidik	
B	Surat Pengenalan Diri daripada Institut Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris	
C	Surat Kebenaran menjalankan kajian daripada Pejabat Pelajaran Bentong	
D	Surat-surat Memohon Kebenaran Bagi Menjalankan Penyelidikan di sekolah-sekolah terlibat	
E	Jadual-jadual data yang dianalisis menggunakan Perisian SPSS v.12	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Tahap pembacaan buku di sekolah rendah	19
2.2	Pengiktirafan Tahap Jauhari di sekolah rendah	20
2.3	Pengiktirafan Rakan Pembaca	21
4.1	Taburan responden mengikut lokasi sekolah dan Jantina	45
4.2	Taburan responden mengikut kumpulan belajar dan jantina	46
4.3	Jadual rujuk silang pembacaan buku teks/rujukan berdasarkan jantina	47
4.4	Jadual rujuk silang pembacaan buku agama berdasarkan jantina	48
4.5	Jadual rujuk silang pembacaan ensiklopedia berdasarkan jantina	49
4.6	Jadual rujuk silang pembacaan novel berdasarkan jantina	50
4.7	Jadual rujuk silang pembacaan buku sukan berdasarkan jantina	50
4.8	Jadual rujuk silang pembacaan majalah berdasarkan jantina	51
4.9	Jadual rujuk silang pembacaan akhbar berdasarkan jantina	52
4.10	Jadual rujuk silang pembacaan buku cerita rekaan berdasarkan jantina	53
4.11	Jadual rujuk silang pembacaan buku cerita teladan berdasarkan jantina	54
4.12	Min umum bacaan dalam kalangan responden	55

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.13	Perbandingan bacaan berdasarkan min jantina	56
4.14	Perbandingan bacaan mengikut lokasi sekolah	57
4.15	Perbandingan bacaan mengikut kumpulan belajar	58
4.16	Perbandingan kekerapan membaca antara kumpulan belajar	59
4.17	Persepsi Umum Murid Terhadap Program Nilam	60
4.18	Persepsi Murid Terhadap Program Nilam Berdasarkan Jantina	61
4.19	Persepsi Murid Terhadap Program Nilam Berdasarkan Lokasi Sekolah	62
4.20	Persepsi Murid Terhadap Program Nilam Berdasarkan Kumpulan Belajar	63
4.21	Respons Umum Murid Terhadap Program Nil am	65
4.22	Respons Murid Terhadap Program Nilam Berdasarkan Perbezaan Jantina	66
4.23	Respons Murid Terhadap Program Nilam Berdasarkan Perbezaan Lokasi Sekolah	69
4.24	Respons Murid Terhadap Program Nilam Berdasarkan Perbezaan Kumpulan Belajar	71
4.25	Impak Umum Program Nilam Kepada Murid	74
4.26	Impak Program Nilam Kepada Murid Berdasarkan Perbezaan Jantina	74
4.27	Impak Program Nilam Kepada Murid Berdasarkan Perbezaan Lokasi Sekolah	76
4.28	Impak Program Nilam Kepada Murid Berdasarkan Perbezaan Kumpulan Belajar	77

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Pendekatan Program Nil am	14

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
PKG	Pusat Kegiatan Guru
PSS	Pusat Sumber Sekolah
RP	Rakan Pembaca
p	Paras signifikan
r	Pekali kolerasi
F	Frekuensi
%	Peratus
<	Kurang daripada
>	Lebih daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) merupakan satu program yang dirancang dan dilaksanakan di sekolah-sekolah sama ada di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah. Program ini bertujuan membolehkan para pelajar menjalankan aktiviti pembacaan di sepanjang tahun. Program ini telah diperkenalkan di sekolah-sekolah bermula tahun 1999. Ia dilaksanakan berpandukan kepada arahan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.13/1998 bertarikh 22 Mei 1988.

Program Nilam merupakan program yang terancang dan berterusan di semua sekolah di Malaysia. Selain meneruskan program yang telah sedia ada, sekolah dikehendaki menyediakan program baru berdasarkan keupayaan dan kesesuaian fizikal dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Pernyataan Masalah

Program NILAM ini suatu usaha amat baik bagi memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar terutamanya di sekolah. Hasil daripada Laporan Bahagian Teknologi Pendidikan 2003, telah didapati beberapa masalah dalam pelaksanaan program tesebut di sekolah, iaitu:

a- Bilangan bacaan dalam kalangan murid rendah.

b- Penglibatan murid dalam menjayakan Program Nilam adalah tidak menyeluruh.

Selain itu, fenomena kurangnya dorongan daripada ibu dan bapa yang diterima oleh kebanyakan murid untuk mereka mengikuti Program Nilam sama ada di sekolah mahupun di rumah. Faktor ini merupakan penyumbang sebahagian besar kepada hasil kajian yang telah dijalankan oleh BTP pada 2003 itu. Kekangan masa juga turut berperanan terhadap kesan pembacaan yang tidak menggalakkkan dalam kalangan murid. Perkara sedemikian berlaku kerana murid dikehendaki terlalu menumpukan sukatan pelajaran di dalam kelas. Berdasarkan beberapa dapatan kajian terdahulu berhubung amalan membaca dalam kalangan masyarakat, pengkaji tertarik untuk meninjau dan mengkaji kelancaran pelaksanaan Program Nilam dalam kalangan murid Tahun Lima di sekolah rendah di daerah Bentong.

1.3 Ojektif Kajian

Kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik ini mengkhusus kepada sasarannya iaitu murid-murid Tahun Lima di empat buah sekolah rendah di daerah Bentong. Berdasarkan laporan yang dilakukan pihak Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia 2003 terhadap amalan membaca yang rendah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelidik akan membincangkan pelaksanaan Program NILAM di sekolah yang dipilih berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

a. Mengkaji bilangan atau peratusan murid yang mencapai Tahap Nilam sejak mereka mengikuti Program Nilam.
b. Meninjau kefahaman murid terhadap pelaksanaan Program Nilam di sekolah.
c. Meninjau genre bacaan yang paling popular dalam kalangan murid di sepanjang pelaksanaan Program Nilam.
d. Mengkaji kesan pelaksanaan Pogram Nilam terhadap amalan membaca murid di sekolah rendah.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini akan menjawab soalan-soalan berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan. Oleh itu, soalan yang berikut dikemukakan :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan kajian pertama :

Sejauh manakah murid-murid memanafaatkan buku-buku Program Nilam di sekolah?

Soalan kajian kedua :

Sejauh manakah murid-murid memahami tujuan pelaksanaan Program Nilam di sekolah?

Soalan kajian ketiga :

Bagaimanakah murid melibatkan diri dengan Program Nilam dilaksanakan di sekolah?

Soalan kajian keempat :

Sejauh manakah Program Nilam yang dijalankan di sekolah memberi kesan kepada amalan membaca dalam kalangan sampel?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Kepentingan Kajian

Setelah lebih sedekad lamanya Program Nilam ini dilaksanakan, namun penerimaan murid khususnya di sekolah rendah masih belum lagi menampakkan kejayaan yang dibanggakan. Bilangan murid yang menerima pengiktirafan di peringkat sekolah, daerah, negeri hatta di peringkat kebangsaan sekali pun adalah begitu kecil berbanding jumlah mereka yang berada di sekolah.

Justeru itu, pengkaji memilih kumpulan sampel daripada Tahun Lima atas beberapa perkara yang dipertimbangkan. Antaranya, kumpulan murid ini tidak berhadapan tekanan untuk menghadapi peperiksaan besar seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) berbanding murid-murid Tahun Enam. Keduanya, kumpulan murid ini punya masa yang terluang untuk mereka melaksanakan Program Nilam dengan jayanya. Selain itu, guru-guru mata pelajaran sama ada subjek Bahasa Melayu mahupun Bahasa Inggeris dapat memberikan kerjasama dan juga bimbingan kepada murid-murid untuk melaksanakan Program Nilam ini.

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meninjau sejauh manakah Program Nilam yang dilaksanakan di sekolah-sekolah berkenaan memberikan manafaat kepada kumpulan sampel yang terlibat. Selain itu, kajian ini juga meninjau genre bacaan yang menjadi pilihan utama kumpulan tersebut. Faktor-faktor lain seperti peranan guru dan juga keluarga juga turut dikaji bagi tujuan kejayaan program ini mencapai objektifnya. Adalah menjadi harapan pengkaji bahawa kajian ini dapat memberikan input kepada pihak yang terlibat dalam merancang dan melaksanakan program ini di sekolah. Bersandarkan kajian ini, murid-murid diharapkan agar berusaha meningkatkan bilangan bacaan mereka menerusi Program Nilam yang dilaksanakan di sekolah mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain murid-murid, pihak yang bertanggung jawab mengendalikan Program Nilam ini di sekolah; seperti guru media dan guru-guru mata pelajaran mengambil usaha yang proaktif untuk merancang perjalanan program ini dengan lebih teliti. Seterusnya, perancangan program yang teliti tersebut akan mampu menghasilkan pelaksanaan program mantap dan dapat mencapai objektifnya sebagaimana digarapkan. Begitu juga peranan dan sokongan daripada pihak Pusat Kegiatan Guru yang merupakan organisasi yang bertanggungjawab secara langsung terhadap pelaksanaan Program Nilam di sekolah.

Kajian ini juga diharapkan akan menjadi signifikan kepada pihak pengurusan sekolah khususnya dalam memperuntukkan kewangan terhadap pembelian buku-buku rujukan dan juga bacaan untuk murid-murid di perpustakaan. Pihak sekolah boleh memberikan perhatian kepada genre bacaan yang menjadi tumpuan murid-murid. Dengan demikian, bilangan buku yang disediakan berupaya menampung permintaan daripada murid-murid yang mahu meminjamnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Batasan Kajian

Kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji terarah kepada kumpulan murid yang berada dalam Tahun Lima sahaja. Bagi tujuan mendapatkan butiran dan maklumat, pengkaji menggunakan soalan kaji selidik sebagai instrumen.

Selain itu, kajian ini juga hanya akan melibatkan seramai 120 murid sahaja yang berada di Tahun Lima dari empat buah sekolah yang terpilih. Empat buah sekolah yang dipilih itu terdiri dua kumpulan yang seimbang iaitu Bandar dan Luar Bandar. Walaupun soal selidik akan dijalankan terhadap kumpulan sampel yang terpilih itu nanti, harus juga dipertimbangkan akan kesahihan dan juga ketepatan maklumat yang akan diterima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkara ini memandangkan bahawa murid-murid daripada Kumpulan Potensi sering kali bersikap kurang serius terhadap kerja-kerja yang diberikan kepada khususnya alat kajian yang diberikan kepada mereka. Di samping itu juga, soal selidik tersebut diurus tadbir oleh Guru Media dari setiap sekolah yang dipilih. Perkara sebegini akan menjadikan maklumat dan data yang diperoleh diterima secara tidak tepat.

1.7 Definisi Operasional

Beberapa istilah yang akan digunakan dalam kajian ini dihuraikan seperti dalam sub topik di bawah ;

1.7.1 Respons

Merujuk kepada sebarang perlakuan anggota badan yang dapat dilihat dan difahami daripada individu terhadap orang lain bagi menyatakan atau mengembalikan maksud atau isyarat terhadap soalan yang diutarakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

1.7.2 Guru Pelaksana

Merujuk kepada guru yang bertanggungjawab melaksanakan Program Nilam di sekolah. Guru-guru tersebut merupakan guru kelasdan juga guru mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau sebagainya.

1.7.3 Tahap Jauhari

Tahap Jauhari merupakan tahap pertama dalam pelaksanaan Program Nilam. Pada peringkat ini, kemahiran membaca dibina dan dipupuk supaya menghasilkan satu tabiat. Semua murid diwajibkan mengikuti galakan membaca yang dirancang dan dijalankan oleh pihak PSS di sepanjang tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.4 Tahap Rakan Pembaca

Tahap Rakan Pembaca merupakan tahap kedua bagi tujuan membantu meningkatkan penyertaan murid dalam program gerakan membaca. Tahap ini akan brlaku sekiranya tahap pertama telah dapat disempurnakan. Tahap Rakan Pembaca memberi penekanan kepada kebolehan dan keupayaan murid menarik minat murid lain untuk membaca. Semua murid layak menyertai skim galakan ini sekiranya mereka telah pun menyelesaikan 100 buah buku.

1.7.5 Kefahaman

Kefahaman bermaksud keupayaan seseorang untuk memahami perkara yang dibaca. Abd Aziz Abd Talib (1993), berpendapat bahawa kefahaman adalah aspek paling penting dalam membaca (mentafsir pemikiran penulis, memahami bahan bertulis atau menyebut maklumat dari teks).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Marohaini Yusoff (1999), pula berpendapat bahawa kefahaman merujuk kepada keupayaan menubuh, mentafsir dan menilai sesuatu berkaitan dengan perkara atau apa yang dibaca.

Menurut Frank Smith (1978), berpendapat bahawa bacaan kadang-kadang memberi makna 'kefahaman' dan kadang-kala tidak. Pendapat Frank Smith ini merujuk kepada tahap 'kefahaman' pembaca itu. Hinggakan pada suatu tahap, pembaca sekadar membaca apa yang tertulis, sebaliknya tidak memahami apa yang dibaca.

1.7.6 Membaca

Berdasarkan Frank Smith (1978), proses membaca ialah proses komunikasi kerana dengan perlakuan membaca, berlaku pertukaran idea antara pengarang dan pembaca. Seseorang dikatakan gagal membaca sekiranya tidak dapat memahami mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Harris & Sipay (Marohaini Yusoff, 1999), menyatakan bahawa proses membaca sebagai suatu proses untuk memperolehi tafsiran yang bermakna tentang lambang-lambang bercetak / bertulis. Goodman (1970), berpendapat membaca ialah proses seseorang membina semula mesej yang dienkod oleh penulis dalam bahasa yang bertulis.

1.7.8 Kefahaman Membaca

Kefahaman membaca membawa maksud kemampuan untuk memahami. Frank Smith (1978), menyatakan bahawa kefahaman membaca ialah memahami apa yang dibaca serta dikuatkan dengan faktor-faktor pengetahuan sedia ada yang turut sama berperanan dalam kefahaman membaca seseorang.

Davis (Siti Hajar Abd Aziz, 1998), pula berpendapat ianya merupakan kebolehan untuk memahami bahan yang dibaca secara senyap bergantung kepada sebahagian besar kepada pengetahuan pembaca tentang makna perkataan dan kebolehan membuat taakulan secara lisan atau tulisan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kesimpulan

Program Nilam merupakan satu usaha bagi menggerakkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia secara amnya. Budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia tidak akan terlaksana sekiranya program yang sebegini rupa tidak dapat dilaksanakan dengan secara berkesan. Justeru, amat wajarlah sekiranya program ini mendapat respons yang membanggakan dan juga perhatian daripada murid sekolah rendah khususnya mereka yang berada di Tahun Lima. Perkara yang diharapkan daripada pelaksanaan program ini secara berkesan akan dapat mewujudkan golongan murid yang suka mengamalkan tabiat membaca dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Membaca merupakan satu daripada asas kemahiran berbahasa selain daripada menulis serta bertutur dan mendengar. Membaca merupakan kemahiran yang dikuasai oleh setiap invidu bagi tujuan mendapatkan maklumat. Manusia membaca bahan-bahan media bercetak dan juga elektronik bagi mencapai tujuan tersebut.

Selain daripada mendapatkan maklumat, membaca juga merupakan amalan baik pada masa lapang. Bagi murid-murid sekolah rendah khususnya, membaca merupakan amalan yang perlu dipraktikkan. Amalan membaca dalam kalangan murid-murid sekolah rendah membantu mereka menguasai kemahiran berbahasa yang dipelajari di sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Konsep Program Nilam

Suatu tamadun atau bangsa hanya dapat dibina melalui masyarakat yang mengamalkan budaya ilmu. Cara utama dalam membina budaya ilmu dalam sesebuah masyarakat ialah melalui amalan tabiat membaca yang berterusan. Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan pelbagai program galakan membaca di sekolah-sekolah. Walau bagaimana pun, impak daripada pelaksanaan program-program tersebut masih belum mencapai tahap yang dikehendaki. Dengan demikian Kementerian Pelajaran Malaysia perlu mencari pendekatan baru bagi melaksankan program galakan membaca yang lebih progresif dan mampu dilaksanakan dengan lebih efisyen.

2.2.1 Asas Pertimbangan

Menyedari hakikat bahawa terdapat ruang yang perlu diisi bagi melaksanakan program membaca seperti mana yang diharapkan, perkara-perkara berikut perlu diambil kira sebagai asas pertimbangan, iaitu;

2.2.1.1 Keupayaan membaca seseorang itu bermula sejak dilahirkan. Kanak-kanak terus berusaha mempelajari dunia dan alam sekeliling ini melalui panca inderanya. Mereka perlu menikmati keseronokan melalui bahan yang dibaca. Hal ini dapat menggalakkan serta mendorong mereka mencari lebih banyak bahan dalam pelbagai bidang untuk mendapatkan pengalaman-pengalaman baru yang merangsang pemikiran dan seterusnya membawa mereka ke arah kematangan membaca. Faktor yang berkaitan dengan perlunya kanak-kanak membaca ialah sifat semula jadi atau naluri ingin tahu tentang perekitaran dan dunia amnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.1.2 Melalui satu kajian kes yang telah dijalankan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia pada Bulan November 1997, mendapati bahawa amalan membaca dalam kalangan pelajar masih pada tahap yang rendah. Hasil tinjauan yang dijalankan di lapan buah sekolah di negeri Selangor dan Perak mendapati bahawa antara sebab utama kebanyakan murid tidak membaca adalah disebabkan kekangan masa, bahan bacaan tidak menarik, tiada galakan dan lain-lain.

2.2.1.3 Kajian literasi oleh Perustakaan Negara Malaysia menyatakan bahawa faktor utama murid membaca ialah untuk belajar manakala sangat sedikit daripada mereka membaca pada waktu senggang. Kajian tersebut membuktikan bahawa sikap anggota masyarakat itu sendiri yang tidak mendorong kepada amalan membaca pada waktu senggang. Ibu bapa hanya mementingkan pembacaan untuk kecemerlangan dalam peperiksaan. Hal ini mengakibatkan berlaku kitaran kekecewaan, iaitu tidak minat untuk membaca, membaca sangat membosankan, tidak faham akan perkara yang dibaca dan malas untuk membaca. Dalam konteks ini ibu bapa seharusnya berupaya menjadi pendorong utama dalam memupuk dan menyuburkan budaya suka membaca.

2.2.1.4 Budaya suka membaca merupakan satu kelompok masyarakat yang mencapai tahap amalan dan minat membaca yang sejati. Budaya membaca juga boleh menjana masyarakat sebagai golongan yang aktif dan padu dari sudut personaliti dan rohani. Seterusnya amalan membaca membina masyarakat yang maju dan matang dari segi mental dan fizikal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2 Dapatan terkini berhubung dengan amalan membaca.

a. Hasil kajian profil rakyat Malaysia oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada tahun 1996 menunjukkan rakyat Malaysia hanya membaca dua buah buku setahun.

b. Kebanyakan bahan yang menjadi kegemaran dan pilihan untuk dibaca merupakan bahan bacaan ringan dan santai seperti majalah, komik dan akhbar.

c. Data tahun 2006 menunjukkan sebanyak 84.43 peratus murid-murid di Malaysia melibatkan diri dalam Program Nilam.

d. Purata buku yang dibaca oleh murid-murid yang mengikuti program tersebut sebanyak empat buah buku setahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

(Bahagian Teknologi Pendidikan, KPM 2007)

2.2.3 Matlamat

Program Nilam dilaksanakan dengan tujuan untuk menanam minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Pada awal pelaksanaannya program ini menyasarkan murid sekolah rendah bermula daripada Tahun Satu hingga Enam. Program ini berkesinambungan sehingga kepada pelajar Tingkatan Satu hingga Lima di sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.4 Objektif

Pelaksanaan Program Nilam menuntut kepada pencapaian lima objektif yang diharapkan, iaitu;

a. Menjadikan murid banyak membaca. Pembacaan melibatkan semua genre, bahan yang berkualiti dan tidak terkongkong kepada pembacaan yang berorientasikan kepada peperiksaan sahaja.

b. Menggalakkan sekolah terus menjana idea kreatif dan inovatif bagi menyemai tabiat membaca.

c. Melahirkan tokoh murid yang berketrampilan dalam pembacaan, mempunyai sifat kepimpinan, berani berhadapan dengan khalayak, berkeyakinan dan berpengetahuan luas.

d. Melahirkan lebih ramai golongan pelajar yang cinta akan bahan bacaan, menjadikannya sebagai satu budaya dan menjadi ***role model*** kepada rakan-rakan sebaya yang lain.


e. Menjadi pemangkin terhadap budaya membaca dalam masyarakat.

2.2.5 Pendekatan

Berdasarkan beberapa pertimbangan yang telah dibincangkan sebelum ini, pendekatan yang wajar dibuat bagi tujuan membina tabiat membaca dalam kalangan murid sekolah ialah galakan yang berterusan daripada semua guru. Selain itu, pemantauan berkala perlu dilakukan agar tabiat membaca dalam kalangan murid mencapai objektif seperti yang dirancangkan. Perkara-perkara utama yang menjadi faktor pemangkin kepada usaha tersebut dapat dirumuskan sebagaimana Rajah 2.1 berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1
Pendekatan Program Nilam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.5.1 Kumpulan Sasar

Usaha membentuk budaya suka membaca perlu dimulakan di peringkat kanak-kanak lagi. Dalam konteks institusi pendidikan, murid-murid di peringkat sekolah rendah diberi tumpuan utama. Pada masa yang sama aktiviti ini juga dilaksanakan di sekolah menengah bagi memastikan tabiat membaca dalam kalangan murid berterusan. Pelaksanaan program yang dicadangkan adalah secara berterusan bermula seawal Tahun Satu di sekolah rendah.

2.2.5.2 Aktiviti Galakan Membaca

Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan dengan jayanya di sekolah-sekolah perlu diteruskan dan diperluaskan. Usaha sedemikian perlu disokong dengan pelbagai promosi di media massa dan juga penglibatan para ilmuan. Bagi merealisasikan hasrat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut, pihak sekolah hendaklah melaksanakan aktiviti-aktiviti yang sesuai bagi menyemai dan mengembangkan minat membaca murid.

2.2.5.3 Bahan Bacaan

Bahan bacaan yang wajar digunakan ialah koleksi buku-buku Pusat Sumber Sekolah (PSS). Koleksi tersebut dipertambah setiap tahun dengan menggunakan sumber keewangan khas yang diperuntukkan oleh kerajaan. Selain PSS, bahan bacaan juga boleh dipinjam daripada Perpustakaan Awam, Perpustakaan Bergerak dan lain-lain. Manakala bahan-bahan bacaan tersebut terdiri daripada buku-buku fiksyen dan bukan fiksyen.

2.2.5.4 Masa

Menurut Kajian Tabiat Membaca (UPM,1997), didapati 15 % sahaja pembelajaran yang melibatkan pembacaan. Kebanyakan latihan membaca dilakukan dalam masa yang singkat dan tidak berterusan. Oleh itu, masa pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah perlu dimanafaatkan untuk memperkukuhkan kemahiran dan minat membaca. Disarankan agar cadangan-cadangan di bawah ini dapat dilaksanakan :

a. Aktiviti membaca dimasukkan dalam jadual waktu umpamanya satu waktu dalam pembelajaran bahasa. Jumlah waktu yang diperuntukkan bagi mata pelajaran bahasa membolehkan aktiviti membaca dilaksanakan.

b. Masa khas diberi untuk semua warga sekolah terlibat dengan membaca.sebagai contoh ; 10 minit diperuntukkan sebelum atau selepas waktu sekolah.

c. Waktu untuk PSS diperuntukkan yang melibatkan pengajaran kemahiran membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Penekanan dan galakan penggunaan waktu senggang untuk membaca, contohnya; semasa menunggu bas, waktu rehat, waktu sebelum mula belajar dan waktu lapang sama ada di dalam dan di luar sekolah.

e. Pelbagai aktiviti membaca diteruskan seperti ulasan buku oleh murid dan guru semasa perhimpunan mingguan dan waktu-waktu lain yang bersesuaian.

2.2.5.5 Pusat Sumber Sekolah

Antara penentu kepada kejayaan program bacaan ialah pengurusan PSS yang cekap. Selain peranan Guru Besar, Guru Media bereperanan sebagai pemangkin kepada aktiviti membaca di sekolah. Pss merupakan tempat menjadi pusat mendapat maklumat dan juga ruang untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, Pss hendaklah berada dalam keadaan yang selesa dan dilengkapi dengan genre bacaan yang sesuai dengan minat dan juga keupayaan murid. Selain itu, aktiviti-aktiviti yang menyokong kepada program membaca haruslah dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

2.2.5.6 Penglibatan Ibu Bapa

Aktiviti membaca di sekolah akan lebih aktif dan berkesan sekiranya berlaku kesinambungan di rumah. Ibu bapa wajar menggunakan peluang ini untuk menanam minat membaca dalam kalangan anak-anak sejak awal lagi. Ibu bapa perlu menjadi model kepada anak-anak dalam memupuk budaya membaca di rumah. Di samping memberi galakan dan dorongan kepada anak-anak untuk membaca, mereka juga perlu meluangkan masa bersama untuk membaca di rumah.

(BTP, 2007)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.6 Pelaksanaan

Program Nilam mencakupi dua tahap. Tahap pertama ialah untuk membina kemahiran dan menanam minat membaca dalam kalangan murid. Seterusnya minat tersebut akan mampu membina satu tabiat membaca dalam diri mereka. Tahap pertama ini dinamakan sebagai **Tahap Jauhari**.

Manakala Tahap kedua pula merupakan strategi bagi membantu percambahan penyertaan murid bagi mengikuti program yang dirancang. Selain itu, pada peringkat ini juga melibatkan aspek penggunaan bahan-bahan dalam aktiviti membaca yang dirancangkan. Tahap ini dinamakan sebagai **Tahap Rakan Pembaca.**

a. Tahap Pertama

Tahap ini dinamakan **Jauhari** . pada tahap ini semua murid diwajibkan mengikuti aktiviti galakan membaca yang dirancang dan dijalankan oleh Pusat Sumber Sekolah (PSS) di sepanjang tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Murid mula mengikuti aktiviti sebaik sahaja mereka menguasai kemahiran asas membaca. Anggaran tempoh bagi murid-murid di Tahun Satu yang menguasai kemahiran membaca di sekitar pertengahan tahun, iaitu dalam Mei atau Jun.

ii. Murid diberikan kemudahan meminjam buku daripada PSS untuk mengikuti aktiviti galakan membaca yang dilaksanakan di sekolah. Perlu juga dijelaskan bahawa keupayaan PSS memberikan kemudahan pinjaman buku kepada murid ialah pada kadar dua setiap orang dalam tempoh dua minggu. Berdasarkan keupayaan PSS memberi pinjaman buku kepada semua murid sepertimana yang telah disebutkan sebelum ini adalah dijangkakan seperti dalam Jadual 2.1 berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1
Tahap Pembacaan Berasaskan Bilangan Buku di Sekolah Rendah

Tahun	Asas	Sederhana	Tinggi	Tertinggi
1	9 x 1 = 9	9 x 2 = 18	9 x 3 = 27	9 x 4 = 36
2	18 x 1 = 18	18 x 2 = 36	18 x 3 = 54	18 x 4 = 72
3	18 x 1 = 18	18 x 2 = 36	18 x 3 = 54	18 x 4 = 72
4	18 x 1 = 18	18 x 2 = 36	18 x 3 = 54	18 x 4 = 72
5	18 x 1 = 18	18 x 2 = 36	18 x 3 = 54	18 x 4 = 72
6	18 x ½ = 9	18 x 1 = 18	18 x 1 ½ = 27	18 x 2 = 36
JUMLAH	**90**	**180**	**270**	**360**

iii. Sistem Ganjaran JAUHARI

Berdasarkan pada kadar bacaan seperti Jadual 1, murid-murid di beri ganjaran dan pengiktirafan sejajar dengan tahap pencapaian dalam pembacaan mereka. Pengiktirafan ini sepatutnya dicatatkan dalam Buku Rekod Kemajuan Murid, Sijil Berhenti Sekolah dan juga Surat Akuan Sekolah. Pengiktirafan ini boleh digunakan sebagai sebahagian daripada kriteria pemilihan murid-murid ke Sekolah Kawalan, Sekolah Berasrama Penuh atau temuduga untuk mendapat tajaan biasiswa pelajaran.

Cadangan pengiktirafan adalah seperti berikut, dengan mengambil kira kemampuan purata murid setelah enam tahun dan lima tahun berada di bangku sekolah. Cadangan pengiktirafan tersebut dapat diterjemahkan berdasarkan Jadual 2.2 berikut :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.2
Pengiktirafan Tahap Jauhari Sekolah Rendah

Jumlah Bacaan / Buku	Pengiktirafan
90 – 179	Gangsa
180 -269	Perak
270 – 359	Emas
360 dan ke atas	NILAM

b. Tahap Kedua

Ciri-ciri Tahap Kedua NILAM ialah mengutamakan aspek kepimpinan dalam aktiviti membaca murid-murid. Tahap ini dinamakan sebagai RAKAN PEMBACA (RP). Tahap ini memberikan penekanan kepada kebolehan murid membimbing dan menarik minat murid lain supaya mengamalkan tabiat membaca. Bagi melayakkan murid menyertai kumpulan atau skim RP, bilangan bahan bacaan yang telah sempurna dicatatkan mestilah melebihi 100 buah. Walaupun murid tersebut layak dan juga telah menyertai RP, pelaksanaan Tahap JAUHARI masih tetap diteruskan.

i. Proses di Tahap RP ini ialah murid RP menerima panduan daripada guru pembimbing yang dikhususkan dan berkeupayaan untuk menjalankannya. Bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar, guru pembimbing haruslah turut serta berada di lokasi aktiviti. Dengan demikian, guru dapat mengawasi dan juga menjadi fasilitator kepada murid-murid sewaktu aktiviti tersebut berjalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Seterusnya, murid turut dilatih menerusi bengkel dan sesi tunjuk cara yang dirancang bag menjayakan aktiviti ini. Semasa pelaksanaan aktiviti, murid diberi peluang untuk memilih buku-buku dari perpustakaan atau sumber-sumber lain untuk dibaca. Setelah itu, buku-buku tersebut akan dipinjamkan pula kepada rakan-rakan yang lain.

iii. Bagi melaksanakan pengiktirafan Tahap RP kepada murid-murid, dapatlah dicadangkan seperti Jadual 2.3 berikut ;

Jadual 2.3
Pengiktirafan RP

Markah	Pengiktirafan
100 – 199	Gangsa
200 – 299	Perak
300 – 399	Emas
400 dan ke atas	NILAM

(BTP, 2003)

2.3 Pengertian Membaca

Membaca sebagai satu proses kompleks dan dinamik di mana aspek pengetahuan sedia ada, sosial, pengalaman dan juga emosi berinteraktif pada minda pembaca dalam usaha untuk memahami dan menginterpretasi bahan-bahan bacaan (Rubin :1990).

Membaca merupakan kemahiran berbahasa yang mesti dikuasai oleh setiap orang. Aktiviti membaca menuntut pembaca mendapatkan hubungan antara fonem dan morfem serta makna yang terhasil. (Mann, 1993; Perfetti, Goldman & Hogaboam, 1979).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Membaca juga ialah kemahiran berbahasa yang penting disebabkan pembaca perlu menghubungkan fonem dan morfem dan memahaminya (Mann, 1993: Perfetti, Goldman & Hogaboam, 1979). Selain itu, membaca juga ialah aktiviti menaakul simbol hasil gabungan huruf dan perkataan adalah asas aktiviti minda yang perlu dilakukan oleh setiap kanak-kanak dan juga dewasa.

Membaca adalah aktiviti kognitif dan metakognitif selain daripada aktiviti linguistik dan metalinguistik. Pembaca perlu mempunyai keupayaan menggunakan berbagai strategi kognitif dan metakognitif bagi memahami teks.(Olshavsky, 1977; Sali Zaliha Mustapha, 1992). Seterusnya, keupayaan pembaca menggunakan pelbagai strategi kognitif dan metakognitif adalah penting untuk memahami teks bacaan (Olshavsky, 1979 : Sali Zaliha Mustapha, 1992).

Membaca ialah aktiviti mencari skemata yang relevan supaya maksud sebenar isi teks supaya maksud sebenar isi teks yang dibaca dapat difahami dan diperkaya (Carell, 1983: Sali Zaliha Mustapha, 1995).

Bagi memupuk amalan membaca dalam kalangan murid, guru dan juga ibu bapa perlu berperanan dalam menjayakan aktiviti tersebut. Guru perlu peka tentang aktiviti yang mendorong dan memantapkan pembacaan dalam kalangan murid (de Beaugrande & Dressler 1981; van Dijk & Kinstich 1978, 1983).

2.3.1 Kepentingan Membaca

Membaca merupakan aktiviti pemindahan maklumat daripada bahan bacaan ke dalam minda pembaca. Melalui aktiviti membaca, maklumat-maklumat dapat diproses oleh pembaca. Pembacaan yang meluas menjadikan sesorang itu berpengetahuan. Membaca merupakan asas kepada pembinaan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat. Membaca itu penting dalam usaha mempertingkatkan maklumat diri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seseorang. Di sekolah, amalan membaca dalam kalangan murid khususnya di sekolah rendah merupakan tabiat yang baik.

Melalui pembacaan, individu dapat memperoleh ilmu dan manafaat daripada bahan bacaan untuk mencapai kesejahteraan diri, masyarakat, dan negara (Ismail Adnan, 1989). Membaca juga merupakan kunci pendidikan sepanjang hayat dan juga kesinambungan kepada generasi seterusnya (Abu Bakar Abdul Hamid, 1988).

Membaca merupakan aktiviti yang menjana perkembangan intelek dan pemikiran kreatif. Masyarakat yang progresif dan berdaya saing terhasil daripada amalan dan budaya membaca yang konsisten. Pemikiran rasional serta matang diperoleh berdasarkan amalan membaca dalam diri setiap individu. Amalan membaca dalam kehidupan seharian mendorong individu menguasai ilmu tertentu seperti bidang bahasa, komunikasi dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2 Pembacaan Ekstensif

Pembacaan ekstensif bermaksud pembacaan yang melibatkan pelbagai jenis bahan untuk pemahaman yang menyeluruh dan bertujuan untuk mendapatkan kepuasan dalam membaca (Susser & Robb, 1990). Pembacaan sebegini bersifat individu. Melalui kaedah ini, pembaca memlih sendiri bahan bacaan yang mereka suka.

Pembacaan ekstensif sesuai dengan pelaksanaan Program NILAM kerana ia dapat menanam tabiat membaca sepanjang hayat dan merumuskan pembacaan ekstensif ialah cara yang paling mudah dan kos efektif untuk mempertingkatkan kosa kata dan kemahiran membaca (Nuttall, 1996).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah pembacaan ekstensif merupakan kaedah yang berkesan terhadap memupuk budaya membaca dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Kaedah pembacaan ini dapat memupuk minat murid. Pembacaan begini juga dapat memperkembangkan kognitif dan juga membina sikap positif dalam kalangan mereka. Kaedah ini dapat mempertingkatkan motivasi mereka untuk membaca (Hayashi, 1999: Costantino, 1994: Day & Bamford, 1998).

Apabila kanak-kanak kecil membaca secara ekstensif pemerolehan bahasa berlaku dengan cara tidak langsung dan pemupukan tabiat positif terhadap buku juga berlaku apabila mereka banyak membaca buku yang memberi makna kepada mereka (Elley, 1991). Pembacaan ekstensif mirip kepada keadaan pembacaan yang dilakukan dalam kehidupan seharian. Kekuatan pembacaan secara ekstensif dapat dirumus seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. ia membimbing dalam pembacaan;
b. pembaca bebas bila hendak membaca;
c. pembaca bebas memilih bahan bacaan;
d. pembaca tidak tertekan dengan ujian; dan
e. ia menggalak dan dengan cara tidak langsung ia menolong dalam proses pemerolehan atau penguasaan bahasa asing.

Kebebasan dengan cara tidak langsung mendorong dan membantu pembaca:

f. menggunakan pelbagai strategi membaca yang boleh mempertingkatkan kemahiran membaca;
g. memberi peluang untuk mempelajari, menambah dan memperkayakan perbendaharaan kata; dan
h. mempertingkatkan kemahiran menulis

(Davis, 1995)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian ini telah menunjukkan kejayaan meluaskan sikap membaca dalam lingkungan umur 17 hingga 42 tahun.pemerolehan ini berjaya oleh kerana beberapa sebab, iaitu:

i. Pembacaan ekstensif tidak memberi tekanan kepada emosi pembaca. Perkara seumpama ini berkaitan denganteori halangan *affective* (Krashen, 1982).

ii. Pemilihan bahan membaca juga dibuat oleh pembaca sendiri sendiri. Tahap membaca ditentukan sendiri oleh pembaca (Krashen, 1982).

iii. Berdasarkan kajian (Elley dan Manghubai, 1983), kanak-kanak sekolah telah diberi *high interest story book*

Berdasarkan kajian terhadap pembacaan ekstensif yang bertajuk *Guided Extensive Reading Programme* dijalankan di tiga buah sekolah menengah luar bandar di Malaysia mendapt manfaat daripada program tersebut. Kajian ini menunnjukkan majoriti murid yang terlibat dapat membentuk sikap yang positif terhadap pembacaan dalam Bahasa Inggeris jika dibandingkan dengan sebelumnya (Ratnawati Mohd. Asraf dan Ismail Sheikh Ahmad, 2003).

Kajian tersebut juga menjelaskan cara terbaik untuk membantu murid mempertingkatkan kemahiran berbahasa. Krashen (1993) menerusi kajiannya membaca secara sukarela di dalam dan luar sekolah di banyak negara merumuskan bahawa bahawa membaca berseorangan menghasilkan kefahaman, stail menulis, perkembangan kosa kata, ejaan, dan perkembangan nahu yang baik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Elley (1991) mendapati adanya peningkatan yang ketara dalam kemahiran lisan, kefahaman, penulisan, nahu, perbendaharaan kata dan prestasi akademik murid-murid sekolah rendah kesan daripada program membaca Bahasa Inggeris di Singapura (Ratnawati Mohd. Asraf dan Ismail Sheikh Ahmad, 1983).

2.3.3 Konsep dan Pelaksanaan Program Membaca

Menurut Clark (1984), kanak-kanak yang berjaya merupakan mereka yang diberi banyak peluang untuk membaca dan ramai antara mereka ini berpeluang menggunakan buku-buku di perpustakaan atau pusat sumber. Beliau juga menjelaskan beberapa model untuk menilai program yang antaranya untuk dilaksanakan seperti berikut:

a. Berasaskan objektif

Biasanya sesuatu program yang dirancamg dengan matlamat dan objektif yang telah ditentukan semasa pembentukan program. Penilaian berasaskan objektif ini bertujuan menilai sejauh mana sesuatu Program memenuhi objektif asal program.

b. Berasaskan proses

Jenis penilaian ini mengutamakan bagaimana program itu berfungsi atau dikendalikan. Ia memberikan gambaran terperinci bagaimanana program itu berfungsi.

c. Berasaskan impak

Penilaian ini adalah bertjuan mengenal pasti program sebenar untuk menghasilkan apa yang diingini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi tujuan menilai keberkesanan program ini, maklumat berasaskan proses dan impak merupakan elemen penting bagi mengukur sama ada tercapainya objektif atau pun tidak.

Menurut Siti Fatimah Ab. Rahman (2004) terdapat lima peranan ibu dan bapa dalam memupuk budaya membaca, iaitu;

i. Ibu bapa boleh melakukan amalan membaca seawal kandungan mereka berusia sekitar enam bulan. Pada waktu ini, bahan yang dibaca adalah tidak penting asalkan janin yang berada dalam kandungan mendengar perkataan. Yang penting berlakunya pembacaan ketika itu. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan bahawa bayi-bayi yang telah mendengar bacaan ketika berada dalam perut ibu lebih cepat bercakap berbanding bayi-bayi yang tidak diperdengarkan bacaan.

ii. Ibu bapa juga perlu menunjukkan bahawa mereka juga minat membaca kerana anak-anak lebih mudah meniru daripada melakukan perkara yang disuruh. Justeru itu, ibu bapa perlu menunjukkan teladan yang baik. Ibu bapa akan menghadapi kesukaran membentuk amalan membaca dalam kalangan anak-anak sekiranya suasana persekitaran tidak menjurus kepada wujudnya amalan tersebut.

iii. Ibu bapa perlu menyediakan bahan bacaan yang sesuai mengikut peringkat umur anak-anak. Bahan bacaan yang pelbagai membolehkan anak-anak menguasai pembelajaran bahasa di rumah. Antara genre bacaan yang sesuai untuk tujuan pembelajaran bahasa, iaitu ensiklopedia dan juga buku-buku cerita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Tabiat membaca dalam kalangan anak-anak dapat dijana melalui aktiviti bersama. Ibu bapa boleh meminta anak-anak mereka menyampaikan semula maklumat yang diperoleh daripada sumber bacaan mereka. Antara maklumat yang boleh dan mudah untuk dikongsi bersama seperti watak-watak latar dan juga peristiwa-peristiwa dalam buku cerita yang dibaca. Aktiviti sebegini dapat merangsang anak-anak untuk terus membaca kerana mereka mendapat perhatian dan sokongan daripada ibu bapa.

v. Minat membaca juga dapat dipupuk dengan usaha membantu dan membimbing anak-anak menumakan jawapan terhadap kekeliruan yang dihadapi oleh mereka. Kaedah sedemikian dapat melatih anak-anak berusaha untuk menyelesaikan persoalan yang mereka temui. Dengan demikian, anak-anak berasa minat dan usaha mereka dihargai oleh ibu bapa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Kajian Lepas Yang Berkaitan Dengan Program NILAM

Terdapat beberapa kajian dan dapatan mengenai tabiat membaca di negara ini. Kajian tersebut mendapati taraf membaca rakyat Malaysia masih rendah.

2.4.1 Kajian terkini mengenai tabiat membaca yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia tahun 1996 (melalui Frank Small & Associate) menunjukkan adanya perbezaan ketara antara kadar literasi dan tabiat membaca. Kadar literasi negara mencapai 93 peratus, manakala kadar mereka yang membaca buku hanya mencapai 87 peratus sahaja. Kajian tersebut juga medapati rakyat Malaysia membaca dua buah buku setahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2 Pihak UNESCO yang membuat anggaran tahap literasi setiap lima tahun, menggagarkan tahap literasi rakyat Malaysia pada tahun 1995 ialah 84 peratus.

Pada masa ini terdapat aktiviti-aktiviti atau projek galakan membaca yang telah dan sedang dijalankan oleh Jabatan Pelajaran Negeri sama ada aktiviti asas, pemupukan atau pengayaan yang perlu diteruskan.

Berdasarkan Laporan Pencapaian Pelaksanaan Program NILAM 2003, penglibatan murid sekolah rendah dalam program NILAM Tahap Jauhari ialah 65.1 % ialah seramai 1 934 280 orang berbanding jumlah keseluruhan enrolmen iaitu 2 972 280 orang murid. Bagi Tahap Rakan Pembaca pula, sebanyak 36.3 % murid yang terlibat iaitu seramai 1 189 992 orang berbanding enrolmen keseluruhan. Daripada jumlah itu, hanya 12% sahaja atau seramai 130 467 orang yang mencapai tahap tersebut (BTP, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian juga menunjukkan beberapa kekangan yang dihadapi dalam melaksanakan program inidi sekolah. Antaranya ialah masalah penyemakan buku rekod membaca murid yang dianggap sebagai beban kepada guru. Bagi murid pula, mencatat bahan bacaan ke dalam buku rekod bacaan bagi tujuan program tersebut menyukarkan kerana mereka perlu menyiapkan tugasan yang diberi di sekolah. Selain itu, sikap murid dan juga bekalan bahan bacaan di perpustakaan sekolah merupakan kekangan kepada pelaksanaan program ini.

Programme for International Asessment (PISA, 2000) ialah kajian antarabangsa yang dianggap paling menyeluruh terhadap kesediaan murid yang berumur 15 tahun yang hampir tamat persekolahan mereka dalam menghadapi dan memenuhi cabaran kehidupan masa depan dalam dunia masyarakat yang memberi keutamaan kepada perolehan ilmu. Kajian literasi PISA ini ialah di bawah kelolaan *Organisation for Economic Co-Operation and Development* (OECD/UNESCO)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang melibatkan 41 buah negara di mana 26 buah negara adalah ahli OECD. Kajian longitudinal masa ini melibatkan di antara 4 500 hingga 10 000 murid di setiap negara yang terlibat (BTP, 2003).

Kajian PISA melibatkan kajian prestasi murid, sekolah dan negara yang berkenaan dalam aspek literasi membaca, matematik dan saintifik serta sekali gus memberi pandangan terahadap faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan kemahiran tersebut di rumah dan di sekolah serta bagaimana faktor-faktor tersebut saling berkait rapat. Sebanyak 141 jenis tugasan literasi membaca yang mempunyai tahap kesukaran yang berhierarki telah dilakukan ke atas murid-murid yang berumur 15 tahun telah dilaksanakan oleh PISA.

Bagi tujuan tersebut, PISA menggunakan ukuran performa pembacaan. Takrifan literasi membaca menurut PISA merujuk kepada kebolehan seseorang untuk memahami, mengguna dan membuat refleksi akan bahan bacaan dalam usaha mencapai matlamat membaca, memperkembangkan ilmu dan potensi serta dapat mengambil bahagian secara kebih berkesan dalam masyarakat.

Berdasarkan kajian tersebut, PISA merumuskan bahawa faktor sekolah, sumber manusia dan keewangan sekolah, perbezaan kurikulum, latar belakang sosio-ekonomi murid dan bagaimana kaedah mengajar dirangka dan dilaksanakan di dalam kelas sebagai penyumbang utama kepada jurang variasi dan perbezaan pencapaian membaca yang luas merentasi 41 buah negara tersebut. Selain itu, kewujudan minoriti murid yang hampir menamatkan alam persekolahan dalam keadaan mengalami kelemahan asas kemahiran literasi bagi tujuan menyambung pelajaran pastinya akan mendapat perhatian bagi pembuat dasar yang mahukan pendidikan seumur hidup menjadi realiti walaupun sesebuah negara itu mencapai tahap literasi yang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengajaran daripada kajian yang dilakukan oleh PISA itu ialah pelaksanaan literasi terhadap kanak-kanak seawal di bangku pra sekolah meninggalkan kesan kepada bentuk latihan dan pendidikan lanjutan mereka pada masa hadapan.

The National Endowment for the Arts pada tahun 2002 telah menjalankan satu kajian yang dipanggil ***Reading at Risk*** di Amerika Syarikat merupakan kajian terhadap tabiat dan sikap membaca yang menyeluruh. Hasil kajian tersebut mendapati kurang daripada 50% rakyat Amerika pada masa itu membaca novel, drama, cerpen dan puisi. Kajian juga menunjukkan jumlah pembelian bahan-bahan bacaan mencatatkan penurunan. Malah, kumpulan pembaca muda juga menunjukkan angka yang merosot.

Menurut Willson Hall (1972) menyatakan bahawa bacaan juga merupakan kebolehan individu menggunakan daya ingatan, memahami pertalian antara satu dengan yang lain, menilai, merenung dan menghayati. Manakala pendapat lain pula menyebutkan tentang membaca iaitu kebolehan menaakul, kebolehan menghubung kait antara idea-idea, dan juga kebolehan untuk menyelesaikan masalah.

Kajian pemahaman bacaan terhadap murid gred lima di empat buah sekolah rendah di Kanada mendapati kumpulan murid yang boleh membaca dengan baik mendapat markah yang tinggi berbanding murid yang lemah membaca. Perkara ini menunjukkan bahawa membaca dan keupayaan memahami bacaan membolehkan seseorang itu menguasai pembelajaran dan mencapai kejayaan yang baik (Kendall; Mason Hunter, 1980).

Manakala Coady (1979) pula berpendapat bahawa pengetahuan sedia ada atau prior knowledge merupakan faktor penting untuk memperoleh pemahaman membaca yang lebih baik. Seterusnya beliau juga berpendapat murid yang mempunyai latar belakang barat dapat mempelajari dan memahami bahasa Inggeris

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan lebih cepat berbanding murid yang hanya mempunyai latar belakang bahasa tersebut.

Kejayaan dalam bacaan dipengaruhi oleh beberapa faktor yang saling berkaitan, iaitu kecerdasan, kemudahan-kemudahan bacaan di rumah dan juga para ibu bapa yang membaca sejak anak mereka kecil lagi. Kecerdasan penting kerana kemampuan seseorang murid memahami bahan bacaan bergantung kepada kebolehannya mengaitkan apa yang dibaca dengan pengetahuan dan juga pengalaman yang ada padanya (Keshian, 1990).

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Lessene (1990) telah mendapati bahawa ramai murid yang melibatkan diri dalam aktiviti membaca di dalam kelas mempunyai peluang lebih cerah untuk berjaya. Secara umumnya, pembacaan dipengaruhi oleh fungsi bukan kognitif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Barnett Irwin (1994) telah menemui kekuatan perhubungan antara sikap murid dengan iklim bilik darjah. Hasil kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa pembacaan peringkat awal dan aktiviti memberi kesan terhadap sikap pelajar. Begitu juga kaedah pengajaran yang tidak menggunakan kertas aktivitimemberi kesan yang positif kepada sikap membaca murid.

Motivasi membaca boleh dipengaruhi oleh empat pemboleh ubah, iaitu pengalaman rapat kepada buku, interaksi sosial terhadap buku, pemilikan buku dan pemilihan buku (Palmer; Coding Gambrel, 1994).

Menurut Kush Watskin (1996) pula, guru seharusnya memikirkan cara-cara yang boleh mengubah sikap murid lelaki atau perempuan. Aktiviti-aktiviti dalam bilik darjah, kaedah dan kemahiran pengajaran perlu diberi perhatian dalam mengubah sikap murid terhadap pembacaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu daripada faktor kritikal dalam menentukan kejayaan membaca dalam kalangan murid ialah jumlah bahan bacaan yang mencukupi (Smith, 1997). Dalam pada itu, D'Amico (1997) menegaskan bahawa perlu wujudnya hubungan kepercayaan guru-guru berkaitan arahan pengajaran dan konsep pembacaan terhadap murid tahun satu.

Latar belakang pendidikan ibu bapa juga merupakan faktor yang turut berperanan terhadap keupayaan kefahaman pembacaan anak-anak mereka. Ibu bapa yang berpendidikan didapati cenderung membantu anak-anak mereka dalam usaha menguasai dan memahami bahan bacaan. Selain daripada latar belakang pendidikan, taraf ekonomi keluarga juga merupakan faktor penyumbang kepada penguasaan membaca dalam kalangan kanak-kanak. Keluarga yang berpendapatan tinggi lebih mampu untuk menyediakan bahan bacaan yang lebih bermutu berbanding mereka yang berpendapatan rendah (Lietz, 1996).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Atan Long (1984) mendapati sikap dan budaya membaca di Malaysia mendapati dilema seseorang itu boleh membaca tetapi tidak mengamalkannya sebagai tabiat sepanjang hayat.

Fatimah Hashim & Lynne Norazit (1992) mendapati beberapa elemen di dalam kehidupan kanak-kanak boleh memberi sumbangan kepada sikap membaca mereka. Penekanan berkaitan pembacaan seperti mana yang terkandung di dalam kurikulum, keluarga dan sekolah merupakan aspek penting terhadap perkembangan membaca kanak-kanak.

Perbandingan tahap pemahaman membaca dalam kalangan pelajar tingkatan satu di sekolah-sekolah terpilih di Malaysia dan Brunei telah dilakukan. Berdasarkan kajian yang dilakukan tersebut, telah menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan di antara pelajar Malaysia dan Brunei (Jamilah Hj. Umar, 1995).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam tahun 2000, Zaliha Yusuf merumuskan tentang punca utama mempengaruhi minat membaca murid lelaki tingkatan empat di sebuah sekolah di Lembah Kelang. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa ibu dan guru kelas merupakan ahli keluarga dan sekolah merupakan faktor yang paling utama mempengaruhi minat murid lelaki membaca.

Pendapat ini sejajar dengan kajian yang dilakukan oleh Tey Sew Tim (1988), iaitu pengaruh keluarga ke atas minat membaca murid-murid adalah kuat. Beliau juga mendapati bahawa minat membaca adalah lebih tinggi dalam kalangan murid yang tinggal di bandar yang dipengaruhi oleh faktor keluarga yang berpendidikan tinggi, kekerapan interaksi antara murid dan keluarga serta kelengkapan membaca di rumah. Manakala kajian Muhammad Harun (1982) yang dijalankan di Tampin menunjukkan bahan-bahan bacaan yang berbagai ragam memenuhi minat membaca murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian Muhammad Arifuddin (1999), menunjukkan bahawa pendorong utama responden membaca ialah diri sendiri, guru, ibu bapa dan rakan sebaya. Penghalang utama mendapatkan bahan bacaan ialah kekurangan koleksi bahan bacaan di pusat sumber sekolah. Responden juga menyatakan mereka tidak perlu membaca dan membuat rujukan di pusat sumber sekolah. Kajian ini juga menolak hipotesis yang mengandaikan tidak ada perbezaan yang ketara pada tahap keupayaan pemahaman membaca murid berdasarkan jantina, tahap sosial ekonomi, lokasi tempat tinggal, lokasi sekolah dan jarak tempat tinggal.

Kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan jenis teks yang berbeza tentang tidak meninggalkan kesan ke atas keupayaan pemahaman membaca murid. Ketidak upayaan sebahagian murid Melayu mencapai tahap cemerlang dan terdapat hampir 10% yang gagal menggambarkan keupayaan pemahaman membaca mereka dalam pendidikan bahasa Melayu masih belum berada pada tahap yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sempurna.Ambigapathy (1997) menyatakan bahawa terdapat beberapa kajian yang menyokong pandangan terhadap usaha untuk mempertingkatkan sikap murid untuk membaca. Selain itu, kajian itu juga merupakan pendekatan untuk meningkatkan kefahaman bacaan dan kosa kata murid. Hasil kajian menunjukkan berlaku peningkatan dalam kalangan golongan masyarakat yang tidak membaca disebabkan tiadanya usaha untuk meningkatkan minat membaca murid di sekolah.

Satu kajian tabiat membaca rakyat di Semenanjung Malaysia yang berumur antara16 hingga 50 tahun telah dijalankan oleh Atan Long dan rakan-rakan pada tahun 1984. Kajian tersebut memfokus kepada corak, tabiat dan minat membaca dalam kalangan mereka yang telah menamatkan alam persekolahan formal. Frank Small and Associates telah menjalankan kajian pada tahun 1996 untuk mengkaji tabiat membaca rakyat Malaysia berdasarkan lokasi, jenis bahan bacaan, dan bahan bacaan dalam kalangan kanak-kanak yang berumur antara 5 tahun hingga 9 tahundan juga mereka yang berumur melebihi 10 tahun.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1997) telah menjalankan satu kajian terhadap minat membaca dalam kalangan murid sekolah rendah. Kajian yang dilakukan itu menunjukkan bahawa tahap membaca dalam kalangan murid sangat rendah. Situasi ini didorong oleh faktor bahan bacaan yang kurang menarik, murid tidak mahir membaca dan buku yang tidak mencukupi. Selain itu, murid tidak mampu membeli buku, buku tidak sesuai dan juga murid tidak berpeluang mengunjungi pusat sumber sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Kesimpulan

Kajian literatur ini membincangkan konsep pelaksanaan Program Nilam di sekolah. Perkara-perkara yang dibincangkan termasuklah tahap pelaksanaannya. Seterusnya dalam bab ini juga dibincangkan beberapa kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana sama ada di Malaysia dan juga di luar negara terhadap budaya membaca dalam kalangan masyarakat. Selain itu, turut dibincangkannya faktor persekitaran yang mempengaruhi budaya membaca dalam kalangan murid sama ada di sekolah dan juga di rumah. Kepentingan membaca kepada murid dan masyarakat juga ada dibincangkan oleh pengkaji menerusi bab kedua ini. Seterusnya, pengkaji juga turut memuatkan penjelasan terhadap pembacaan ekstensif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan dengan terperinci reka bentuk dan kaedah kajian, populasi dan sampel kajian, alat kajian, prosedur kajian, kaedah pengumpulan data, dan analisis data yang telah dijalankan bagi tujuan melaksanakan kajian ini.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mendapat gambaran yang jelas tentang pelaksanaan program Nilam daripada sudut pendangan murid sekolah rendah. Kaedah ini dipilih berdasarkan kesesuaiannya untuk mengumpulkan sebanyak mungkin maklumat daripada sampel yang dipilih. Berdasarkan kajian yang dijalankan, beberapa perkara dan isu yang dapat di kenal pasti dapat memberi input kepada pihak sekolah dan juga guru terbabit yang melaksanakan Program Nilam di sekolah terbabit khususnya, untuk mengadakan penambahbaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini, kumpulan sasaran pengkaji ialah murid-murid sekolah rendah yang berada di Tahun Lima di empat buah sekolah di daerah Bentong. Krejie dan Morgan (1970), menjelaskan bahawa apabila saiz populasi kurang daripada 50, semua subjek dikira sampel. Oleh itu, tidak ada teknik persampelan yang diperlukan.

Saiz sampel diambil daripada empat buah sekolah rendah di dalam daerah Bentong. Pemilihan sekolah tersebut sebagai tempat kajian dilakukan dengan mengambil kira pandangan Marshall dan Rossman (1995) yang menggariskan empat perkara yang perlu diambil perhatian, iaitu :

i. Tiada halangan untuk menjalankan kajian. Dalam hal ini, pengkaji mendapati murid-murid yang terlibat telah memberikan respons yang sangat baik. Pihak sekolah dan responden memberikan persetujuan untuk tujuan pengumpulan data.

ii. Mempunyai kemungkinan yang tinggi untuk melaksanakan proses pengumpulan data dengan baik serta wujudnya minat dan kerjasama daripada responden. Dalam hal ini, penyelidik yakin dapat memperoleh data yang diperlukan untuk kajian ini kerana penyelidik medapat kerjasama yang baik daripada pihak pentadbir sekolah dan responden. Responden telah memberikan kerjasama yang baik sewaktu menjawab borang soal selidik.

iii. Berkemampuan untuk membina hubungan saling mempercayai antara responden dan pengkaji. Dalam perkara ini, pengkaji berjaya mewujudkan suasana kemesraan serta saling mempercayai. Pengkaji juga terlebih dahulu memaklumkan kepada responden akan tujuan borang soal selidik dan juga tujuan kajian yang dijalankan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Berkeyakinan untuk mendapatkan data yang berkualiti dan mempunyai kredibiliti untuk tujuan kajian. Justeru itu, responden telah dipilih merupakan murid-murid daripada Tahun Lima yang mengikuti Program Nilam di semua sekolah yang terbabit. Murid-murid yang lain tidak terlibat dalam kajian ini.

3.4 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai alat kajian. Pengkaji telah membina alat kajian bagi tujuan menjalankan penyelidikan dengan mendapat bimbingan dan nasihat daripada penyelia projek. Bagi mendapatkan alat kajian yang mantap, beberapa siri pertemuan dan perbincangan telah diadakan oeh pengkaji bersama dengan penyelia projek. Kebaikan daripada pengumpulan data melalui kaedah ini membuktikan bahawa kaedah ini berkesan dan menjimatkan masa berbanding kaedah lain (Mohd. Majid Konting, 2005). Tuckman (1976) juga beranggapan bahawa soal selidik merupakan antara cara berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden, selain membuat pemerhatian terhadap tingkah laku.

Borang soal selidik yang dibina digunakan kepada murid-murid Tahun Lima di empat buah sekolah di daerah Bentong. Soal selidik dipilih kerana kaedah seperti inidifikirkan begitu efisyen bagi mendapatkan data dalam jumlah yang tertentu dan dalam masa yang tertentu. Pengkaji memilih untuk menggunakan dua jenis soal selidik, iaitu soal selidik jawapan yang dipilih dan soal selidik jawapan yang diberi. Bagi usaha memperoleh data dan maklumat yang maksimum secara berkesan, gabungan kedua-dua jenis soal selidik berkenaan digunakan untuk sesuatu tujuan penyelidikan (Mohd. Majid Konting, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soal selidik jawapan dipilih atau dikenali sebagai soal selidik berbentuk tertutup atau berstruktur, menghendaki sampel memilih jawapan yang tepat terhadap soalan atau rangsangan yang dikemukakan berdasarkan kepada cadangan-cadangan jawapan yang disediakan. Sampel menandakan takat atau unit pada skala atau memeringkatkan satu siri pernyataan dalam aturan mengikut kepentingan (1, 2, 3, atau 4). Soal selidik berbentuk tertutup senang ditadbir untuk membantu sampel menumpukan kepada subjek dan melicinkan proses penjadualan dan kerja-kerja menganalisis data (Deebold P. Van Dalen, 1993).

Borang soal selidik yang dibentuk bertujuan untuk mengumpul maklumat tentang kecenderungan genre bacaan yang menjadi kegemaran murid-murid Tahun Lima di empat buah sekolah yang telah dipilih. Selain itu, alat kajian ini juga dapat menterjemahkan kefahaman murid-murid tersebut terhadap konsep, pelaksanaan dan juga impak Program Nilam yang dijalankan di sekolah kepada mereka.

Soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian. Huraian bagi setiap bahagian soal selidik tersebut dapat dinyatakan seperti berikut :

i. Bahagian A. Bahagian ini bertujuan bagimendapatkan maklumat tentang latar belakang murid. Dalam bahagian ini item-item yang diutarakan seperti; kategori sekolah, jantina, keturunan, kumpulan pelajar dan juga bilangan bahan bacaan murid. Pada bahagian ini juga terdapat kekerapan bahan atau genre bacaan yang menjadi kegemaran murid-murid. Terdapat 9 genre bacaan yang telah diketengahkan oleh pengkaji bagi tujuan mengukur kecenderungan dan kekerapan yang menjadi pilihan sampel. Genre bacaan tersebut ; buku teks atau rujukan, agama, ensiklopedia, novel, sukan, majalah, akhbar, cerita rekaan dan juga cerita teladan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Bahagian B. Bahagian ini dipenuhi dengan pernyataan untuk mendapatkan maklumat tentang kefahaman murid terhadap konsep pelaksanaan Program Nilam di sekolah. Dalam bahagian ini terdapat sebanyak 12 pernyataan yang menghubungkan kefahaman murid terhadap pelaksanaan program tersebut.

iii. Bahagian C. Bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang kefahaman murid terhadap proses pelaksanaan Program Nilam di sekolah. Dalam bab ini, terdapat sebanyak 22 pernyataan yang berkaitan dengan proses pelaksanaan program tersebut.

iv. Bahagian D. Bahagian ini pula bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang maklum balas atau impak daripada pelaksanaan Program Nilam kepada murid-murid Tahun Lima tersebut. Bahagian akhir soal selidik ini menyisipkan sebanyak12 pernyataan yang berkaitan dengan maklum balas atau impak daripada pelaksanaan program tersebut.

Bagi meninjau kekerapan pembacaan murid terhadap genre bacaan Nilam di sekolah, pernyataan-pernyataan tersebut diukur berdasarkan pengukuran empat peringkat. Responden dikehendaki memberikan jawapan mereka terhadap pernyataan yang dikemukakan dalam bentuk berikut :

1. Tidak pernah
2. Jarang
3. Kerap
4. Sangat kerap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Kajian Rintis

Bagi memastikan alat kajian yang dibina itu mempunyai tahap keesahan yang tinggi, satu kajian rintis telah dijalankan. Seramai 30 orang murid Tahun Empat di sebuah sekolah telah pilih sebagai sampel bagi tujuan tersebut.

Daripada jumlah tersebut, seramai lima belas orang murid lelaki dan lima belas orang murid perempuan telah dikenalpasti berdasarkan tahap keupayaan belajar iaitu, potensi, sederhana dan cemerlang.

Setiap kumpulan tahap belajar itu terdiri daripada lima orang murid lelaki dan lima orang murid perempuan. Melalui kajian rintis ini, pengkaji telah berjaya menuji kesesuaian item-item dalam soal selidik. Nilai Cronbach Alpha bagi item yang tertinggi ialah 0.845, manakala nilai yang paling rendah 0.813.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Pengumpulan Data

Pada peringkat permulaan, pengkaji telah mendapatkan surat untuk mengadakan penyelidikan daripada pejabat Institut Pengajian Siswazah. Kemudian pengkaji pula hadir ke Pejabat Pelajaran Bentong untuk bertemu dengan pegawai yang berkenaan bagi memohon kebenaran menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah yang berkenaan. Setelah mendapat kebenaran daripada Pejabat Pelajaran Bentong, pengkaji telah menyediakan salinan borang soal selidik mengikut bilangan responden, iaitu sebanyak 120 set bagi empat buah sekolah yang telah dipilih.

Pengkaji terlebih dahulu mengadakan perbincangan secara tidak formal dengan guru-guru media di sekolah yang telah dikenalpasti berkenaan tujuan penyelidikan. Setelah itu, pengkaji memanjangkan surat permohonan berserta surat kebenaran daripada Pejabat Pelajaran Bentong kepada Guru-Guru Besar sekolah tersebut. Kemudian pengkaji menyerahkan borang soal selidik kepada guru media

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah berkenaan untuk mentadbir urus alat kajian tersebut. Pengkaji turut memohon kerjasama daripada guru media untuk membimbing sampel menjawab borang soal selidik supaya maklumat yang dikumpulkan itu tepat dan dipercayai.

Pengkaji memberikan tempoh selama tujuh hari kepada guru-guru media di sekolah berkenaan bagi menyempurnakan soal selidik yang diberikan itu. Selepas tempoh yang diberikan itu tamat, pengkaji telah berjaya mendapatkan semula kesemua 120 set borang soal selidik yang telah lengkap daripada semua sampel.

3.7 Analisis Data

Dalam usaha menganalisis maklumat dan data yang telah dipungut, pengkaji telah mengguna pakai perisian ***Statistical Package For Social Science (SPSS version 12.0)***. Analisis yang dilakukan berdasarkan soalan-soalan kajian yang dikemukakan dalam Bab I. Setiap soalan kajian dianalisis berdasarkan :

i. bacaan keseluruhan

ii. bacaan berdasarkan jantina

iii. bacaan bedasarkan kategori sekolah

iv. bacaan berdasarkan tahap pembelajaran

Pengkaji menggunakan Ujian rujuk silang bagi menganalisis perbezaan dua pemboleh ubah. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah Ujian Khai Kuasa Dua bagi meninjau perbezaan peratus berdasarkan data yang telah diperoleh.Bagi data yang lebih daripada dua pemboleh ubah, pengkaji menggunakan ujian ANOVA Sehala dan Ujian Post Hoc (Turkey-b) untuk mencari perbezaan min.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Rumusan

Kesimpulannya, kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat kajian dengan menggunakan kaedah tinjauan. Tumpuan utama kajian adalah untuk mendapatkan maklumat tentang kefahaman murid-murid Tahun Lima di empat buah sekolah di daerah Bentong terhadap pelaksanaan Program Nilam. Hasil maklumat soal selidik dianalisis dengan menggunakan pendekatan Ujian Rujuk Silang, Ujian Khai Kuasa Dua, Ujian Rujuk Silang Ujian Statistik ANOVA Sehala dan Ujian Post Hoc (Turkey's-b).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB IV

ANALISIS DAN INTERPRETASI DATA

4.1 Pengenalan

Tumpuan bab ini membincangkan secara khusus tentang dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan soal selidik yang telah dijalankan. Pengkaji akan menghuraikan dapatan-dapatan sebagaimana yang telah dinyatakan dalam soalan-soalan kajian pada bab terdahulu.

4.2 Latar Belakang Sampel

Satu kajian telah dilaksanakan kepada 120 orang murid Tahun Lima di empat buah sekolah yang dipilih. Empat buah sekolah tersebut terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu kategori sekolah bandar dan luar bandar.

Seramai 30 orang murid setiap sekolah telah dikenalpasti berdasarkan kumpulan keupayaan belajar seperti potensi, sederhana dan cemerlang. Setiap kumpulan diwakili oleh lima orang murid lelaki dan lima orang perempuan. Pengelompokan murid telah dikenal pasti berdasarkan pencapaian dan prestasi akademik mereka di sekolah-sekolah berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini bermakna komposisi sampel adalah sekata, iaitu mewakili 50 % setiap kategori sekolah dan jantina. Dalam kategori sekolah, seramai 60 orang murid merupakan mereka yang belajar di sekolah bandar dan juga seramai 60 orang murid mewakili sekolah luar Bandar. Begitu juga dengan taburan jantina, iaitu seramai 60 orang murid lelaki dan juga 60 orang murid perempuan telah dipilih sebagai responden kajian. Perkara ini dapat dijelaskan berdasarkan Jadual 4.1 berikut:

Jadual 4.1
Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah dan Jantina

Nama Sekolah	Kategori Sekolah	Jantina		Jumlah
		Lelaki (%)	Perempuan (%)	
1. SKBP	Bandar	15 (50)	15 (50)	30
2. SKS	Bandar	15 (50)	15 (50)	30
3. SKJR	Luar Bandar	15 (50)	15 (50)	30
4. SKK	Luar Bandar	15 (50)	15 (50)	30

*SKBP : Sekolah Kebangsaan Bukit Piatu
SKS : Sekolah Kebangsaan Sulaiman
SKJR : Sekolah Kebangsaan Jambu Rias
SKK : Sekolah Kebangsaan Karak

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa sampel juga dikelompokkan berdasarkan kumpulan keupayaan belajar murid. Seramai lima orang murid lelaki dan lima orang murid perempuan telah dikenalpasti oleh guru media bagi setiap sekolah yang terlibat dengan kajian. Hal ini dapat dijelaskan berdasarkan Jadual 4.2 berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2
Taburan Responden Mengikut Jantina dan Kumpulan Belajar Murid

Nama Sekolah	Kumpulan Belajar Murid						Jumlah
	Potensi		Sederhana		Cemerlang		
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	
SKBP	5	5	5	5	5	5	30
SKS	5	5	5	5	5	5	30
SKJR	5	5	5	5	5	5	30
SKK	5	5	5	5	5	5	30
Jumlah	20	20	20	20	20	20	120

Jadual 4.2 di atas menunjukkan taburan sampel mengikut kumpulan keupayaan belajar di sekolah. Kumpulan keupayaan belajar murid tersebut terbahagi kepada tiga kumpulan, iaitu "potensi", "sederhana" dan "cemerlang". Setiap kumpulan keupayaan belajar bagi setiap sekolah diwakili oleh lima orang murid lelaki dan lima orang murid perempuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Analisis Dapatan Kajian

Analisis berikut merupakan dapatan kajian yang diakukan untuk menjawab soalan-soalan kajian , iaitu:

Soalan kajian pertama :

Sejauh manakah murid-murid memanafaatkan buku-buku Program Nilam di sekolah?

Soalan kajian kedua :

Sejauh manakah murid-murid memahami tujuan pelaksanaan Program Nilam di sekolah?

Soalan kajian ketiga :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagaimanakah murid melibatkan diri dengan Program Nilam dilaksanakan di sekolah?

Soalan kajian keempat :

Sejauh manakah Program Nilam yang dijalankan di sekolah memberi kesan kepada sampel ?

4.3.1 Murid-murid memanafaatkan buku-buku Nilam di sekolah

Bagi menghuraikan pernyataan di atas, pendekatan analisis menerusi Jadual Rujuk Silang dapat menjelaskan perkara-perkara berikut bagi mengkaji perbezaan peratusan antara murid lelaki dan murid perempuan.

Jadual 4.3
Jadual Rujuk Silang Pembacaan Buku Teks /Rujukan Berdasarkan Jantina

Kekerapan	Pembacaan Buku Rujukan Berdasarkan Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Tidak Pernah	4 (3.32 %)	2 (1.72 %)	6 (5.02 %)
Jarang	17 (14.2 %)	23 (19.2 %)	40 (33.3 %)
Kerap	20 (16.7 %)	23 (19.2 %)	43 (35.8 %)
Sangat Kerap	19 (15.8 %)	12 (10 %)	31 (25.8 %)

Berdasarkan Jadual 4.3 di atas, didapati bahawa bilangan pembacaan pelajar berada pada tahap kekerapan "jarang" dan "kerap", iaitu seramai 83 sampel atau sebanyak 69.1%. Daripada segi jantina kajian ini menunjukkan bahawa bilangan kekerapan pembacaan terhadap buku-buku teks dan rujukan dalam kalangan murid perempuan lebih tinggi, iaitu 48.4% berbanding dengan murid perempuan yang mencatatkan kekerapan 46.7%. Data yang tercatat dalam jadual tersebut menunjukkan bahawa bilangan peratus murid perempuan yang membaca buku-buku teks dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rujukan pada kekerapan "jarang" dan "kerap" ialah seramai 46 orang atau mewakili sebanyak 38.4% daripada jumlah sampel berbanding dengan jumlah sampel lelaki sebanyak 30.9 %. Hal demikian membuktikan bahawa murid perempuan lebih banyak membaca buku-buku teks atau buku-buku rujukan berbanding murid lelaki.

Namun begitu, bilangan murid lelaki yang menyatakan bahawa mereka 'sangat kerap' membaca adalah lebih tinggi daripada murid perempuan, iaitu sebanyak 5.8% atau sebanyak 3 orang.

Jadual 4.4
Jadual Rujuk Silang Pembacaan Buku Agama Berdasarkan Jantina

Kekerapan	Pembacaan Buku Agama Berdasarkan Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Tidak Pernah	3 (2.5 %)	3 (2.5 %)	6 (5.0 %)
Jarang	27 (22.5 %)	25 (20.8 %)	52 (43.3 %)
Kerap	14 (11.7 %)	20 (16.7 %)	34 (28.3 %)
Sangat Kerap	16 (13.3 %)	12 (10.0 %)	28 (23.3 %)

Berdasarkan Jadual 4.4 di atas, didapati bilangan pembacaan murid berada pada tahap kekerapan "jarang", seramai 52 orang sampel (43.3 %). Daripada segi jantina, kajian ini menunjukkan bahawa bilangan kekerapan pembacaan terhadap buku-buku agama dalam kalangan murid lelaki lebih tinggi berbanding murid perempuan. Data yang tercatat dalam jadual tersebut menunjukkan bahawa bilangan peratus murid lelaki yang membaca buku-buku tersebut pada kekerapan "jarang" ialah seramai 27 orang atau mewakili sebanyak 22.5 % daripada jumlah sampel berbanding dengan jumlah sampel perempuan seramai 25 orang atau sebanyak 20.8 %. Hal demikian membuktikan bahawa murid lelaki lebih banyak membaca buku-buku agama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5
Jadual Rujuk Silang Pembacaan Ensiklopedia Berdasarkan Jantina

Kekerapan	Pembacaan Buku Ensiklopedia Berdasarkan Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Tidak Pernah	22 (18.3 %)	24 (20.0 %)	46 (38.3 %)
Jarang	18 (15 %)	23 (19.2 %)	41 (34.2 %)
Kerap	13 (10.8 %)	7 (5.8 %)	20 (16.7 %)
Sangat Kerap	7 (5.8 %)	6 (5.0 %)	13 (10.8 %)

Berdasarkan Jadual 4.5 di atas, didapati bilangan sampel yang membaca ensiklopedia adalah seramai 74 orang atau sebanyak 61.7%. Secara perbandingan, didapati bahawa sampel lelaki lebih kerap membaca ensiklopedia. Data menunjukkan sampel perempuan mengakui bahawa mereka jarang-jarang membaca ensiklopedia, iaitu seramai 23 orang atau sebanyak 19.2%. Manakala pada tahap kekerapan 'kerap' dan 'sangat kerap' pula, sampel lelaki mendahului sampel perempuan dengan jumlah 20 orang atau sebanyak 15.8% berbanding sampel perempuan seramai 13 orang atau sebanyak 10.8%. Hal demikian membuktikan bahawa murid lelaki lebih banyak membaca ensiklopedia berbanding murid perempuan.

Berdasarkan Jadual 4.6 di atas, didapati bilangan sampel yang membaca novel adalah seramai 91 orang atau sebanyak 75.9%. Secara perbandingan , didapati bahawa sampel perempuan lebih kerap membaca novel tahap kekerapan "jarang", iaitu seramai 33 sampel atau sebanyak 27.5% berbanding sampel lelaki, iaitu seramai 30 orang atau sebanyak 25%. Hal demikian membuktikan bahawa murid perempuan lebih banyak membaca novel berbanding sampel lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6
Jadual Rujuk Silang Pembacaan Novel Berdasarkan Jantina

Kekerapan	Pembacaan Novel Berdasarkan Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Tidak Pernah	16 (13.3 %)	13 (10.8 %)	29 (24.1 %)
Jarang	30 (25.0 %)	33 (27.5 %)	63 (52.5 %)
Kerap	8 (6.7 %)	8 (6.7 %)	16 (13.4 %)
Sangat Kerap	6 (5.0 %)	6 (5.0 %)	12 (10.0 %)

Namun begitu, pada tahap kekerapan 'kerap' dan "sangat kerap', kajian mendapati bahawa kedua-dua kumpulan sampel, iaitu lelaki dan perempuan mengatakan bahawa bilangan mereka yang membaca novel adalah sama banyak atau seimbang. Kedua-dua tahap menunjukkan tidak berlaku perbezaan angka antara sampel lelaki dan perempuan, iaitu 8 orang atau sebanyak 6.7% pada tahap kekerapan 'kerap' dan sebanyak 6 orang atau 5% pada tahap kekerapan 'sangat kerap'. Hal demikian membuktikan bahawa kajian yang dijalankan ini mempamerkankan tidak terdapatnya perbezaan bilangan bacaan antara jantina pada kedua-dua tahap kekerapan pembacaan tersebut.

Jadual 4.7
Jadual Rujuk Silang Pembacaan Buku Sukan Berdasarkan Jantina

Kekerapan	Pembacaan Sukan Berdasarkan Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Tidak Pernah	6 (5.0 %)	7 (5.8 %)	13 (10.8 %)
Jarang	18 (15.0 %)	34 (28.3 %)	52 (43.3 %)
Kerap	23 (17.2 %)	13 (10.8 %)	36 (30.0 %)
Sangat Kerap	13 (10.8 %)	6 (5.0 %)	19 (15.8 %)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.7 di atas, didapati bilangan sampel yang membaca buku-buku sukan adalah seramai 107 orang atau sebanyak 89.1%. Secara perbandingan, didapati bahawa sampel perempuan mengakui yang mereka lebih banyak membaca p membaca buku-buku sukan tahap kekerapan "jarang", iaitu seramai 34 sampel atau sebanyak 28.3% berbanding sampel lelaki, iaitu seramai 18 orang atau sebanyak 15%. Hal demikian membuktikan bahawa murid perempuan lebih banyak membaca buku-buku sukan berbanding sampel lelaki pada kekerapan 'jarang'.

Namun begitu, pada tahap kekerapan 'kerap' dan "sangat kerap', kajian mendapati bahawa bilangan bacaan antara kedua-dua kumpulan sampel jantina lelaki dan perempuan terdapatnya perbezaan. Data menunjukkan bahawa sampel lelaki lebih banyak membaca, iaitu seramai 36 sampel atau sebanyak 18% berbanding sampel perempuan seramai 19 sampel atau sebanyak 15.8%. Daripada segi jantina, kajian ini menunjukkan bahawa bilangan bacaan murid lelaki adalah lebih tinggi berbanding murid perempuan pada tahap 'kerap' dan 'sangat kerap'.

Jadual 4.8
Jadual Rujuk Silang Pembacaan Majalah Berdasarkan Jantina

Kekerapan	Pembacaan Majalah Berdasarkan Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Tidak Pernah	10 (8.3 %)	2 (1.7 %)	12 (10.0 %)
Jarang	24 (20.0 %)	28 (23.3 %)	52 (43.3 %)
Kerap	17 (14.2 %)	19 (15.8 %)	36 (30.0 %)
Sangat Kerap	9 (7.5 %)	11 (9.2 %)	20 (16.7 %)

Berdasarkan Jadual 4.8 di atas, didapati didapati bilangan sampel yang membaca majalah adalah seramai 108 orang atau sebanyak 90%. Secara perbandingan, didapati bahawa sampel perempuan lebih kerap membaca majalah pada semua tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kekerapan membaca, iaitu seramai 58 sampel atau sebanyak 48.3% berbanding sampel lelaki, iaitu seramai 50 orang atau sebanyak 41.7%. Hal demikian membuktikan bahawa kajian yang dijalankan ini menunjukkan sampel perempuan lebih banyak membaca majalah berbanding sampel lelaki.

Jadual 4.9
Jadual Rujuk Silang Pembacaan Akhbar Berdasarkan Jantina

Kekerapan	Pembacaan Akhbar Berdasarkan Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Tidak Pernah	7 (5.8 %)	5 (4.2 %)	12 (10.0 %)
Jarang	22 (18.3 %)	24 (20.0 %)	46 (38.3 %)
Kerap	23 (19.2 %)	19 (15.8 %)	42 (35.0 %)
Sangat Kerap	8 (6.7 %)	12 (10.0 %)	20 (16.7 %)

Berdasarkan Jadual 4.9 di atas, didapati didapati bilangan sampel yang membaca akhbar adalah seramai 108 orang atau sebanyak 90%. Secara perbandingan, didapati bahawa sampel perempuan lebih kerap membaca majalah pada tahap kekerapan "jarang", iaitu seramai 24 sampel atau sebanyak 20% berbanding sampel lelaki, iaitu seramai 22 orang atau sebanyak 18.3%. Hal demikian membuktikan bahawa murid perempuan lebih banyak membaca akhbar berbanding sampel lelaki pada kekerapan 'jarang'.

Namun begitu, bilangan pembacaan sampel lelaki pada tahap kekerapan bacaan 'kerap' iaitu seramai 23 sampel atau sebanyak 19.2% berbanding bilangan sampel perempuan, iaitu seramai 19 orang atau sebanyak 15.8%. Daripada segi jantina, kajian ini menunjukkan bahawa pada tahap kekerapan pembacaan 'kerap', murid lelaki lebih banyak membaca akhbar berbanding murid perempuan. Manakala pada tahap pembacaan 'sangat kerap', kajian mendapati bahawa sampel perempuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih banyak membaca akhbar berbanding sampel lelaki. Bilangan sampel perempuan yang mengatakan mereka gemar membaca akhbar pada tahap pembacaan 'sangat kerap' ialah seramai 12 orang atau sebanyak 10%. Berbanding bilangan sampel lelaki hanya seramai 8 orang atau sebanyak 6.7%. Oleh yang demikian, secara empirikalnya data kajian menunjukkan bahawa murid perempuan lebih banyak membaca akhbar berbanding murid lelaki.

Jadual 4.10
Jadual Rujuk Silang Pembacaan Buku Cerita Rekaan Berdasarkan Jantina

Kekerapan	Pembacaan Buku Cerita Rekaan Berdasarkan Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Tidak Pernah	1 (0.8 %)	6 (5.0 %)	7 (5.8 %)
Jarang	28 (23.3 %)	21 (17.5 %)	49 (40.8 %)
Kerap	15 (12.5 %)	12 (10.0 %)	27 (22.5 %)
Sangat Kerap	16 (13.3 %)	21 (17.5 %)	37 (30.8 %)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.10 di atas, didapati bilangan sampel yang membaca buku-buku cerita rekaan adalah seramai 113 orang atau sebanyak 93.1%. Secara perbandingan, didapati bahawa sampel lelaki lebih kerap membaca buku-buku cerita rekaan pada tahap kekerapan "jarang" dan 'kerap', iaitu seramai 43 sampel atau sebanyak 35.8% berbanding sampel perempuan, iaitu seramai 33 orang atau sebanyak 27.5%. Hal demikian membuktikan bahawa murid lelaki lebih banyak membaca buku-buku cerita rekaan berbanding sampel perempuan pada kekerapan 'jarang' dan 'kerap'.

Walau bagaimanapun, bilangan pembacaan murid perempuan pada tahap kekerapan "sangat kerap" menunjukkan bilangan yang membaca cerita rekaan seramai 21 orang atau sebanyak 17.5% berbanding sampel lelaki iaitu seramai 16 sampel atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebanyak 13.3%. Hal demikian membuktikan bahawa murid perempuan lebih banyak membaca buku-buku cerita rekaan berbanding murid lelaki pada tahap pembacaan 'sangat kerap'.

Jadual 4.11
Jadual Rujuk Silang Pembacaan Buku Cerita Teladan Berdasarkan Jantina

Kekerapan	Pembacaan Buku Cerita Teladan Berdasarkan Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Tidak Pernah	2 (1.7 %)	1 (0.8 %)	3 (2.5 %)
Jarang	13 (10.8 %)	14 (11.7 %)	27 (22.5 %)
Kerap	22 (18.3 %)	17 (14.2 %)	39 (32.5 %)
Sangat Kerap	23 (19.2 %)	28 (23.3 %)	51 (42.5 %)

